

BAB I

PENDAHULUAN

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian

Berdasarkan kepada catatan sejarah bahawa di Asia Tenggara terdapat beberapa Pusat Tamadun Islam yang setanding dengan Pusat Tamadun Islam yang ada di Asia Barat ketika itu. Antara Pusat Tamadun Islam di Asia Tenggara ialah kerajaan-kerajaan Islam di Aceh. Dalam sejarah Aceh, kerajaan yang sangat terkenal ialah kerajaan Aceh Darussalam. Puncak kejayaannya ialah di masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1635), sehingga Aceh dapat mengusai sebahagian Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.¹ Namun sebelum kerajaan Aceh Darussalam muncul, telah wujud beberapa kerajaan Islam kecil lainnya di tanah Aceh seperti kerajaan Islam Perlak, Pasai, Pidier dan lain-lain.

Dari hasil penyatuan kerajaan-kerajaan itulah lahirnya kerajaan Aceh Darussalam. Dengan demikian kerajaan-kerajaan Islam di Aceh tersebut merupakan asal bagi kerajaan Aceh Darussalam. Sebuah kerajaan Islam yang besar dan berpengaruh di Asia Tenggara serta mempunyai hubungan diplomatik dengan negara-negara besar di dunia seperti Turki Uthmani, Mesir, China, Eropah dan lain-lain, maka seharusnya kerajaan Aceh Darussalam dapat mempertahankan diri dari segala bentuk serangan yang dapat menghancurkan kewujudan kerajaan Aceh itu sendiri.

¹ Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususnya Di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia, h.19-20.

Dari sudut politik kerajaan Aceh merupakan kerajaan paling berkuasa di rantau ini pada abad ke 16 –18 M, iaitu setelah jatuhnya kerajaan Islam Melaka tahun 1511 M. Bahkan sebahagian ahli sejarah menyatakan ia termasuk dalam lima besar kerajaan-kerajaan Islam di dunia.² Kerajaan-kerajaan tersebut ialah:

1. Kerajan Islam Turki Uthmani di Istanbul
2. Kerajaan Islam Agra di India
3. Kerajaan Islam Isfahan di Timur Tengah
4. Kerajaan Islam Maghribi di Afrika Utara
5. Kerajan Islam Aceh Darussalam di Asia Tenggara.

Dari sudut ekonomi pula, Aceh pada waktu itu merupakan pusat perdagangan antarabangsa yang menjadi tumpuan ramai para pedagang-pedagang Islam di dunia. Begitu juga dari segi tamadun, Aceh telah menjadi sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pusat tamadun Islam di Nusantara. Namun demikian dalam kenyataan sejarah selepas kegemilangan kerajaan Aceh Darussalam sampai pada kemuncaknya iaitu dengan wafatnya Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1635), maka kerajaan Aceh terus menurun di bawah pimpinan para Raja-raja yang menggantikan baginda.

² Ismail Sury (1980), *Bunga Rampai Tentang Aceh*. Jakarta: t.p., h. 208. Lihat juga, A. K. Jakobi (1998), *Aceh Dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan 1945-1949 Dan Peranan Teuku Hamid Azwar Sebagai Pejuang*. Jakarta: P.T Gramedia Pustaka Utama kerjasama dengan Yayasan SEULAWAH RI-01, h. 17.

Yang lebih serius lagi ketika Aceh diperintah oleh beberapa orang Ratu sehingga Aceh diserang oleh Belanda pada tahun 1873 M. Seterusnya keadaan kerajaan Aceh terus merosot dan berakhir pada pertengahan abad ke 20 M. Berdasarkan latar belakang tersebut, pengkaji perlu mengkaji faktor-faktor apa sahaja yang mendorong kepada kemajuan dan yang membawa kepada kemerosotan kerajaan tersebut?. Seterusnya kajian ini diberi tajuk “Sejarah Kerajaan Islam di Aceh: Kajian Faktor Perkembangan dan Kemerosotan”. Kajian ini diharapkan menjadi sumbangan ilmiah dalam bidang kajian sejarah serta menjadi masalah untuk kajian selanjutnya.

1.2. Perumusan Masalah

Dariuraian latar belakang kajian di atas dapat dirumuskan beberapa masalah kajian sebagai berikut:

- 1.1.1. Bagaimanakah proses yang mendorong kepada penyatuan kerajaan Islam kecil di Aceh menjadi sebuah kerajaan Islam yang besar iaitu kerajaan Aceh Darussalam?.
- 1.1.2. Apa sahaja faktor yang membawa kepada kejayaan kerajaan Aceh Darussalam?.
- 1.1.3. Siapakah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan hubungannya dengan kejayaan kerajaan Aceh Darussalam?.
- 1.1.4. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kepada kemunduran sampai kepada keruntuhan kerajaan Aceh Darussalam?.

1.3. Tujuan Kajian

Dalam kajian tajuk “Sejarah Kerajaan Islam di Aceh: Kajian Faktor Perkembangan dan Kemerosotan” ini, pengkaji akan menumpukan kajian faktor yang membawa kepada kemajuan dan kemerosotan kerajaan Islam di Aceh. Kajian ini bertujuan sebagai berikut:

- 1.3.1. Untuk mengetahui secara sistematik tentang faktor-faktor yang mendorong terjadinya penyatuan kerajaan-kerajaan kecil menjadi sebuah kerajaan besar dan faktor yang membawa kepada puncak kejayaannya. Selain itu kaitan antara kerajaan Aceh dan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.
- 1.3.2. Selanjutnya untuk mengetahui secara pasti sebab-sebab kemunduran dan keruntuhan dari kerajaan Aceh tersebut.
- 1.3.3. Untuk menambah referensi ilmiah dalam bidang sejarah Islam terutama sejarah Islam Nusantara, yang diharapkan akan menjadi kajian ilmiah berikutnya.
- 1.3.4. Untuk membangkitkan kembali ingatan dan pengetahuan masyarakat dunia terutama masyarakat Melayu Islam tentang keberadaan kerajaan Melayu Islam yang masyhur di masa yang lalu.
- 1.3.5. Untuk memenuhi persyaratan bagi menyelesaikan pangajian pada peringkat Sarjana di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

1.4. Skop Dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan menjelaskan bahagian yang menjadi kajian dalam penyelidikan ini dan juga yang tidak termasuk dalam kajian tajuk ini. Pengkaji dalam tajuk kajian ini membatasi dalam beberapa skop kajian, antaranya:

- 1.4.1. Sejarah kerajaan-kerajaan kecil yang pernah muncul di Aceh sebelum lahirnya kerajaan Aceh Darussalam, bermula dari kerajaan Perlak sampai kerajaan Aceh Darussalam.
- 1.4.2. Sejarah lahirnya kerajaan Aceh Darussalam, perkembangan dan sampai ke puncak kejayaannya.
- 1.4.3. Keadaan masa-masa kemunduran sehingga kepada masa keruntuhannya.

Kajian tersebut dititikberatkan pada faktor-faktor yang mendorong kepada penyatuan kerajaan kecil menjadi kerajaan Aceh Darussalam dan juga faktor penyebab kemundurannya. Dalam kajian ini tidak termasuk kajian terhadap kerajaan yang lahir sebelum kerajaan Perlak, dan juga tidak termasuk kajian tentang keadaan Aceh selepas jatuhnya kerajaan Aceh Darussalam. Adapun yang menjadi sumber data dalam kajian ini ialah buku-buku sejarah Nusantara dan sejarah Islam sedunia dan manuskrip-manuskrip lama yang berhubungan dengan sejarah Aceh.

1.5. Pengertian Tajuk

Merujuk kepada kamus Dewan Edisi III, sejarah menurut etimologi ialah asal usul, salasilah. Peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa yang lampau.³ Sedangkan menurut istilah ialah antara lain sebagai mana disebutkan oleh Ibnu Khaldun:

اعلم أنه لما كانت حقيقة التاريخ أنه خبر عن الاجتماع الانسان الذى هو عمران العالم، وما يعرض طبيعة ذلك العمران من الاحوال مثل التوحش والتآنس والعصبيات وأصناف التغلبات للبشر بعضهم على بعض، وما ينشأ عن ذلك من الملك والدول، ومراتبها، وما يتتحقق البشر بأعمالهم ومساعيهم من الكسب والماش والعلوم والصناعات وسائر ما يحدث في ذلك العمران بطبعه من الاحوال.

*Maksudnya: Sejarah sebenarnya adalah rekod masyarakat manusia atau peradaban dunia, perubahan yang berlaku dalam tabi'i masyarakat itu, iaitu menyentuh keadaan yang berkait rapat dengan peradaban seperti revolusi dan pemberontakan oleh sekumpulan manusia terhadap kumpulan yang lain, yang akhirnya melahirkan raja dan negara dalam pelbagai peringkat. Ia juga adalah rekod tentang pelbagai aktiviti dan pekerjaan manusia semada untuk menghasilkan pendapatan atau dalam pelbagai bidang ilmu dan kemahiran. Kesimpulannya, sejarah adalah rekod tentang segala bentuk perubahan yang dilalui oleh tabi'i sebuah masyarakat.*⁴

Adapun sejarah yang dimaksudkan di sini ialah peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau berkenaan dengan kerajaan-kerajaan Islam di Aceh dan berita-berita tentang kemajuan dan kemundurannya. Kerajaan menurut bahasa ialah negeri atau negara yang diketuai oleh Raja.⁵

³ Kamus Dewan Edisi III (2000), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 1208.

⁴ Abdur Rahman bin Khaldūn (1993), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, h. 27.

⁵ Kamus Dewan (2000), op.cit., h. 1089.

Yang dimaksud dengan kerajaan di sini adalah negeri atau negara Islam yang diketuai oleh Raja yang pernah muncul di Aceh pada abad yang lalu. Islam berasal dari kata bahasa Arab آتَلَمْ، نَسِلَمْ yang bererti serah atau menyerah diri. Maulana Muhammad Ali menjelaskan bahawa kata Islam makna aslinya masuk dalam kedamaian, dan orang Islam ialah orang yang damai dengan Allah dan damai dengan manusia.⁶ Imam Muḥammad bin Abī Bakr ‘Abdu al-Qādir al-Rāzī menerangkan kata أَذْخَرْ فِي السُّلْطَنِ كَافَةً" (القراء: ٨) Firman Allah SWT".⁷ Menurut kamus Dewan, Islam adalah agama yang disampaikan oleh nabi Muhammad s.a.w.⁸ Yang dimaksudkan dalam kajian tajuk ini ialah sesuai dengan apa yang ada dalam kamus Dewan.

Aceh adalah suatu negeri yang terletak di hujung utara pulau Sumatera yang dahulunya sebuah negara yang merdeka dan berdaulat berada di bawah kerajaan Aceh Darussalam. Ia telah lahir menjadi sebuah kerajaan Islam jauh sebelum wujudnya Indonesia. Namun pada hari ini ia menjadi satu propinsi Republik Indonesia. Tetapi tidak diketahui dengan jelas bagaimana proses Aceh boleh menjadi bahagian dari Republik Indonesia sampai ke hari ini. Populasinya berdasarkan statistik terbaru⁹ lebih kurang 4.3 juta orang dan beragama Islam 100% sampai ke hari ini.

⁶ Maulana Muhammed Ali (1996), *Islamologi (Dimul Islam)*. Jakarta: Dār al-Kutub Islāmiyyah, h. 4.

⁷ Muḥammad bin Abī Bakr ‘Abdu Qādir al-Rāzī (2000), *Mukhtār al-Ṣīḥhāt*. Kairo: Dār al- Ḥadīs, h. 177-178.

⁸ Kamus Dewan (2000), *op.cit.*, h. 501.

⁹ Statistik terbaru yang dimaksudkan ialah hasil bancian tahun 2000. Indonesia mengadakan bancian penduduk setiap lima tahun sekali. Hasil bancian yang sedang dijalankan sekarang akan keluar pada tahun 2005 akan datang.

Aceh memiliki keluasannya iaitu 57, 365, 57 km², ia terdiri dari 16 belas negeri.¹⁰ Fakta ini yang akan penulis jelaskan dengan rinci pada bahagian Bab II tentang pengenalan Aceh. Kajian menurut bahasa adalah usaha, proses, mengkaji. Sedangkan kaji pada asalnya bermaksud cabang ilmu pengetahuan, ilmu pengetahuan, penyelidikan (mengenai sesuatu).¹¹ Kajian yang dalam Disertasi ini adalah usaha atau proses penyelidikan mengenai kerajaan Islam yang pernah muncul di Aceh dan faktor kemajuan dan kemerosotannya.

Faktor menurut bahasa antara lain bermaksud adalah unsur, atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil.¹² Dalam penulisan ini, yang dimaksud dengan faktor adalah unsur atau sebab-sebab terjadinya penyatuan kerajaan-kerajaan kecil di Aceh menjadi kerajaan besar, unsur atau sebab-sebab yang mendorong kerajaan Aceh Darussalam ke puncak kejayaannya. Dan yang terakhir unsur atau sebab-sebab yang membawa kepada kemunduran dan keruntuhan kerajaan tersebut.

Perkembangan dalam kamus Dewan ialah diertikan antara lain, perihal (proses) berkembang (menjadi, maju) atau tersebar, membiak, meluas (dan sebagainya), pertumbuhan, kemajuan.¹³ Perkembangan dalam tajuk penulisan ini ialah perihal proses kemajuan dan perluasan kerajaan Aceh Darussalam dari semula lahir sampai ke puncak kemajuannya.

¹⁰ Arifin Syawal (2000), *Peta Nanggrou Aceh*. Lihat juga, Buku *Aceh Dalam Angka 2001*. Banda Aceh: BPS Prov NAD kerjasama dengan BAPPEDA Prov NAD, h. 3.

¹¹ *Kamus Dewan* (2000), *op.cit.*, h. 560.

¹² *Ibid.*, h. 348.

¹³ *Ibid.*, h. 625.

Kemerosotan berasal dari kata rosot, merosot yang bererti meluncur turun. Kemerosotan dalam kamus Dewan adalah perihal (kejadian) merosot, keadaan merosot, meluncur turun.¹⁴ Kemerosotan dalam tajuk ini ialah perihal atau kejadian merosot atau meluncur turun kerajaan dan kemakmuran kerajaan Aceh Darussalam sehingga sampai kepada keruntuhannya.

1.6. Metodologi

Perkataan metodologi berasal daripada bahasa Yunani kuno iaitu "*metodos*" yang bermakna jalan atau cara. Sedangkan "*logos*" memberi pengertian sebagai ilmu.¹⁵ Metodologi adalah ilmu tentang cara penyelidikan. Oleh kerana itu, metodologi kajian atau penyelidikan merupakan asas penting dalam sesbuah penyelidikan ilmiah. Metode juga merupakan suatu teknik terpenting untuk mendapatkan fakta dan data. Sebuah kajian yang dijalankan dengan menggunakan metodologi yang sesuai dan tepat dapat menghasilkan natijah yang bermutu dan berkualiti. Oleh kerana itu metodologi penyelidikan ialah suatu cara atau usaha yang sistematis dan objektif dengan maksud untuk memperoleh dan mengumpulkan data-data yang relevan dan berkesan yang berkaitan dengan tujuan kajian.

¹⁴ *Ibid.*, h. 1149-1150.

¹⁵ Koentjara ningrat (t.t), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Granada Pustaka, h. 13.

Yang menjadi bidang kajian dalam tajuk di atas ialah kajian historis. Maksud historis di sini adalah ilmu tentang perubahan manusia dan masyarakat.¹⁶ Dalam konteks ini kajian historis ialah penyelidikan terhadap sumber-sumber sejarah yang menyangkut dengan kerajaan Islam di Aceh. Ia bertujuan bagi mengetahui dengan pasti tentang peristiwa berkaitan dengan perkembangan dan kemerosotan kerajaan Aceh tersebut.

Projek kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan bukannya kajian lapangan. Untuk dapat menghasilkan kajian yang bermutu dan berkualiti, pengkaji menggunakan beberapa teknik kajian, antaranya:

1.6.1 Pengumpulan data

Dalam penelitian ini pengkaji mengemukakan metode kajian kepustakaan dalam bentuk kajian data. Dan ianya akan diperolehi dari buku-buku, transkrip dan tulisan-tulisan yang berhubungan dengan sejarah Aceh baik yang ada di Aceh ataupun di luar Aceh. Untuk memperoleh bahan-bahan tersebut pengkaji menggunakan beberapa perpustakaan, antaranya sebagai berikut:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁶ Imam Barnadid (1982), *Metode Penelitian Sejarah*. Yogyakarta: Insani Press, h. 51. Lihat juga, Hasan Usman (1986), *Metode Penelitian Sejarah*. Jakarta: Direktorat Jenderal Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, Departemen Agama, h. 16.

3. Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
4. Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.
5. Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur.
6. Perpustakaan Ali Hasyimi di Banda Aceh.
7. Perpustakaan IAIN Ar-Raniry di Banda Aceh.

1.6.2 Analisis data.

Setelah proses pengumpulan data selesai dijalankan, data-data yang dikumpul tadi perlu menjalani satu lagi proses untuk menjadikan ia suatu maklumat yang asli dan tepat. Proses ini dinamakan sebagai analisis data. Ada beberapa metode dalam menganalisis data tersebut, di antaranya:

1. Metode Induktif
2. Metode Deduktif.
3. Metode Komperatif.

i. Metode Induktif

Metode ini ialah suatu proses analisis data melalui pola berfikir dengan mencari pembuktian yang berpijak pada hal-hal yang bersifat khusus tentang Aceh untuk sampai pada bukti umum. Hasil daripada analisis terhadap hal-hal khusus tersebut akan dapat merumuskan suatu hipotesis umum di bahagian akhirnya. Melalui

proses ini pengkaji akan mencari dan mengumpul data, sehingga persoalan menjadi lebih nyata dan jelas.

ii. Metode Deduktif

Metode ini juga merupakan cara menganalisis data melalui pola fikir dengan mencari pembuktian pada dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus.

iii. Metode Komperatif

Yang di maksud dengan metode komperatif adalah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data yang diperolehi. Penulis menggunakan metode ini untuk membuat perbandingan tentang fakta-fakta yang menyangkut dengan sejarah Aceh secara keseluruhannya.

1.7. Sistematika Penulisan

Penulisan tajuk kajian ini dibahagikan kepada lima Bab yang berasingan. Setiap Bab tersebut dibincangkan dengan caranya tersendiri. Semua susunan Bab dikemaskan dengan rapi bagi menyampaikan maklumat kepada pembaca berkaitan dengan isi yang dibincangkan dalam tajuk ini. Dalam Bab pendahuluan atau Bab I, pengkaji meletakkan penjelasan asas tentang rancangan penyelidikan kajian berkenaan. Selain itu penulis juga membincangkan kandungan yang menjadi isu-isu penting dalam bab-bab selanjutnya. Ia juga dikenali dengan "Bab Proposal".

Manakala pada Bab II pula, akan dibincangkan tentang landasan teori yang berkaitan dengan tajuk kajian ini ialah "Sejarah Kerajaan Islam di Aceh: Kajian Faktor Perkembangan dan Kemerosotan". Pengkaji akan menjelaskan di sini tentang pengenalan wilayah Aceh, politik sosio-ekonomi dan adat istiadat di Aceh. Adapun sumber-sumber data dan fakta dalam penyelidikan ini dikumpulkan menerusi proses penyelidikan perpustakaan sebagai mana yang telah dijelaskan dalam metodologi penulisan. Seluruh sumber sejarah yang berkaitan dengan Aceh dikumpulkan lalu dianalisis dengan sistematik.

Pada Bab III pula, akan pengkaji bincangkan lanjutan daripada Bab II di atas. Di sini difokuskan kepada proses lahirnya kerajaan-kerajaan Islam di Aceh yang dimulai dari kerajaan Perlak hingga ke kerajaan Aceh Darussalam. Ia juga disebutkan kawasan masing-masing kerajaan tersebut.

Di dalam Bab IV, pengkaji akan membincangkan tentang faktor-faktor yang mendorong kepada kejayaan kerajaan-kerajaan Islam di Aceh hingga kerajaan Aceh Darussalam, faktor yang menyebabkan kepada kemunduran dan keruntuhan kerajaan Aceh Darussalam. Bab ini juga merupakan klimaks penyelidikan tajuk berkenaan. Di sini penulis melakukan analisis terhadap semua data yang telah dibincangkan pada bab-bab sebelumnya.

Bab V, akan diuraikan beberapa kesimpulan kajian setelah keseluruhan isi kandungan dalam tajuk kajian ini dibahas dengan teliti. Ia merangkumi kesimpulan umum, kesimpulan khusus dan cadangan yang dihasilkan daripada kajian tersebut. Bab ini juga dikenali dengan bab penutup.